

TERMA DAN SYARAT
"Kempen Rujukan CIMB Preferred Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H) 2025"

1. **"Kempen Rujukan CIMB Preferred Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H) 2025"** (**"Kempen"**) ini dianjurkan secara bersama oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799] (**"CIMB Bank"**) dan CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872] (**"CIMB Islamic"**). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai (**"CIMB"**).
2. Kempen ini akan berlangsung dari **15 Mei 2025 hingga 14 Ogos 2025**, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (**"Tempoh Kempen"**).

Kelayakan

3. Kempen ini dibuka secara eksklusif kepada ejen berlesen Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H) (**"Pelanggan Layak"**). Untuk melayakkan diri, syarikat MM2H berlesen yang diwakili oleh ejen tersebut mestilah disenaraikan di laman sesawang rasmi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).
4. Tanpa menjejaskan Fasal 3, pihak-pihak berikut **TIDAK layak** untuk menyertai Kempen ini:
 - (i) Kakitangan tetap, sementara dan/atau kontrak CIMB Bank, CIMB Investment Bank Berhad, dan/atau CIMB Islamic (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitannya); dan/atau
 - (ii) Pemilik Tunggal, Perkongsian, Organisasi/Pertubuhan Amal/ Bukan Berasaskan Keuntungan, Pelanggan Korporat dan Komersial; dan/atau
 - (iii) Individu di bawah umur 18 tahun; dan/atau
 - (iv) Pemegang akaun CIMB yang tiada nombor mudah alih yang sah berdaftar dalam rekod CIMB; dan/atau
 - (v) Pemegang akaun CIMB terpilih yang telah ditawarkan untuk menyertai kempen CIMB lain.
5. Berhubung dengan Akaun Bersama, hanya pemegang akaun pertama yang disenaraikan iaitu **Pemegang Akaun Utama** sahaja yang layak untuk menyertai Kempen ini. Untuk tujuan Kempen ini, pemegang akaun bersama selain daripada Pemegang Akaun Utama tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

Mekanik Kempen

6. (a) Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak yang membuat rujukan (**"Perujuk"**) hendaklah merujuk dan mengemukakan nama serta nombor telefon rakan atau ahli keluarga yang baharu kepada CIMB (**"Individu yang Dirujuk"**) kepada CIMB dalam Tempoh Kempen, dengan syarat Perujuk mesti mematuhi perkara berikut:
 - (i) melengkapkan borang Rujukan CIMB Preferred MM2H 2025 (**"Borang Rujukan"**) yang boleh diperoleh daripada Pengurus Perhubungan atau Pengurus Perkhidmatan Kewangan Pelanggan, dan menyerahkannya kepada mana-mana Pengurus Perhubungan atau Pengurus Perkhidmatan Kewangan Pelanggan CIMB selewat-lewatnya pada 14 Ogos 2025; dan
 - (ii) mendapatkan kebenaran daripada Individu yang Dirujuk untuk mendedahkan butiran Individu yang Dirujuk termasuk nama dan nombor telefon kepada CIMB bagi membolehkan CIMB menghubungi mereka. Dalam hal ini, Perujuk dengan ini bersetuju untuk membenarkan CIMB mendedahkan nama Perujuk kepada Individu yang Dirujuk setelah Individu yang Dirujuk berjaya mendaftar sebagai pelanggan CIMB Preferred.
- (b) Dengan memberikan dan menyerahkan maklumat peribadi Individu yang Dirujuk kepada CIMB untuk tujuan Kempen ini, Perujuk mewakili dan mengesahkan bahawa Perujuk:
 - (i) telah memperoleh kebenaran daripada Individu yang Dirujuk untuk mengemukakan nama, nombor telefon dan cawangan CIMB pilihan Individu yang Dirujuk kepada CIMB bagi tujuan Kempen ini dan membolehkan CIMB menghubungi Individu yang Dirujuk berhubung dengan sebarang perkara berkaitan Kempen;
 - (ii) membenarkan CIMB untuk mendedahkan nama Perujuk kepada Individu yang Dirujuk sekiranya diminta oleh Individu yang Dirujuk;

- (iii) mengesahkan bahawa tiada kebenaran lanjut daripada Individu yang Dirujuk diperlukan berhubung dengan tujuan yang dinyatakan dalam Fasal 6(b)(i) terma dan syarat ini;
 - (iv) mengesahkan bahawa Individu yang Dirujuk telah mengakses dan/atau membaca Notis Privasi yang dikeluarkan oleh Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di semua cawangan CIMB serta di laman web CIMB di www.cimbbank.com.my atau www.cimbpreferred.com.my atau telah diberikan kepada Individu yang Dirujuk dengan cara lain) dan telah mengesahkan persetujuan terhadap Notis Privasi tersebut; dan
 - (v) bersetuju untuk menanggung kerugian, ganti rugi dan/atau penalti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada representasi dan pengesahan di bawah Fasal 6(b) ini.
7. Perujuk yang memenuhi Fasal 6(a) dan (b) di atas serta berjaya merujuk Individu yang Dirujuk akan diberikan Ganjaran Tunai seperti yang dinyatakan dalam Fasal 13 di bawah.
8. Untuk tujuan Kempen ini, Rujukan Berjaya bermaksud seperti berikut:
- (i) Individu yang Dirujuk mestilah seorang warganegara bukan Malaysia; DAN
 - (ii) Individu yang Dirujuk berjaya menjadi pelanggan CIMB Preferred dengan menempatkan jumlah minimum agregat sebanyak RM600,000.00 ("AUM") dalam mana-mana akaun deposit dan/atau dilaburkan dalam mana-mana produk pelaburan dan/atau membeli/ menyertai product Bancasurans/Bancatakaful ("Produk Penyertaan"); Produk Penyertaan terpilih dan kriteria kelayakan boleh dirujuk di laman sesawang Bank di www.cimbpreferred.com.my di bawah akaun individu atau akaun Bersama dengan Individu yang Dirujuk sebagai pemegang akaun utama sepanjang Tempoh Kempen; DAN
 - (iii) Individu yang Dirujuk mesti mengekalkan jumlah minimum agregat AUM sebanyak RM600,000 pada setiap masa selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari bulan pengaktifan sebagai pelanggan CIMB Preferred; DAN
 - (iv) Individu yang Dirujuk mestilah pelanggan baharu kepada CIMB yang dinaik taraf kepada status CIMB Preferred dalam tempoh tiga (3) bulan kalendar selepas menjadi pelanggan baharu CIMB ATAU untuk Baharu kepada Preferred (NTP) yang diperoleh pada tahun 2025, Individu yang Dirujuk ialah pelanggan sedia ada CIMB dengan AUM kurang daripada RM10,000 pada 31 Disember 2024 ("AUM Asas"); DAN
 - (v) Pengiraan jumlah Aset Di Bawah Pengurusan ("AUM") dan produk Kekayaan adalah selepas ditolak caj jualan;
9. Kempen ini tidak sah bersama dengan mana-mana Program Rujukan Preferred lain, tawaran, promosi (jika ada) dan/atau keistimewaan (contohnya, kadar kakitangan CIMB) yang ditawarkan oleh CIMB berkaitan dengan Produk Penyertaan kecuali dinyatakan sebaliknya.
10. Tertakluk kepada Fasal 8 di atas, Deposit yang dibuat melalui cek adalah tertakluk kepada penjelasan dan hanya akan dianggap sebagai deposit untuk tujuan Kempen ini selepas cek tersebut dibayar atau dijelaskan.
11. Deposit dalam Akaun Semasa/Akaun Semasa-i dan/atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i CIMB yang mengambil bahagian layak untuk perlindungan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.
12. Sekiranya pada bila-bila masa dalam Tempoh Kempen, dua (2) Perujuk merujuk Individu yang Dirujuk yang sama, Perujuk pertama yang memenuhi keperluan di bawah Fasal 6 dan Rujukan Berjaya di bawah Fasal 9 akan berhak menerima Ganjaran Tunai seperti yang dinyatakan dalam Fasal 13.

Ganjaran Kempen

13. Tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini, Perujuk akan diberikan ganjaran seperti dalam jadual di bawah bagi setiap rujukan yang berjaya ("**Ganjaran Tunai**") dalam tempoh Kempen.

Segmen	Ganjaran
Setiap (1) Rujukan yang Berjaya	RM588

Ganjaran Tunai di bawah Kempen ini dihadkan pada jumlah maksimum RM220,000.00 berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat, setelah Individu yang Dirujuk ditandakan sebagai pelanggan CIMB Preferred. Setelah had Ganjaran Tunai dipenuhi, Kempen ini akan tamat dan CIMB akan memaklumkan Perujuk melalui:

- (i) pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - (iii) iklan di satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
 - (iv) sebarang kaedah pemberitahuan lain yang dipilih oleh CIMB.
14. Tertakluk kepada Fasal 13, tiada had ke atas Ganjaran yang boleh diberikan kepada Perujuk Layak di bawah Kempen ini selagi semua keperluan terma dan syarat Kempen ini dipenuhi dan dipatuhi pada setiap masa.
15. Ganjaran Tunai tidak boleh dipindah milik sama ada sebahagian atau sepenuhnya. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada mana-mana Perujuk atau mana-mana pihak ketiga untuk menyerahkan atau menukar Ganjaran Tunai
16. Semua maklumat yang diberikan oleh Perujuk berhubung dengan atau untuk tujuan Kempen ini mestilah benar, tepat, terkini dan lengkap. Perujuk yang gagal mematuhi keperluan ini akan serta-merta hilang kelayakan untuk Kempen ini dan tidak berhak menerima Ganjaran Tunai.
17. Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan/-i atau Akaun Semasa/-i aktif Perujuk dalam rekod CIMB dalam tempoh antara dua puluh (20) hingga dua puluh empat (24) minggu selepas bulan pertama menjadi pelanggan CIMB Preferred. Perujuk akan dimaklumkan oleh CIMB melalui perkhidmatan pesanan ringkas ("**SMS**") selepas Ganjaran Tunai berjaya dikreditkan.
18. Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan/-i atau Akaun Semasa/-i Perujuk yang berstatus baik. Sekiranya Perujuk memegang kedua-dua Akaun Semasa Preferred, Akaun Semasa-i Preferred, Akaun Simpanan Preferred, Akaun Simpanan-i Preferred, Akaun Simpanan/-i atau Akaun Semasa/-i, Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa Preferred, Akaun Semasa-i Preferred atau Akaun Simpanan-i Preferred.
19. Pada masa pengkreditan Ganjaran Tunai ke dalam Akaun Simpanan/-i atau Akaun Semasa/-i, akaun tersebut MESTILAH berstatus baik dan TIDAK melanggar mana-mana terma dan syarat Perjanjian Akaun Semasa Preferred/Akaun Semasa-i Preferred dan/atau Akaun Simpanan-i Preferred atau Akaun Simpanan/-i atau Akaun Semasa/-i, dan/atau tidak menjadi tidak sah atau dibatalkan mengikut takrifan CIMB. Sekiranya berlaku sebaliknya, Ganjaran Tunai tersebut akan dilucutkan.
20. Sebarang Ganjaran Tunai yang tidak dituntut oleh Perujuk sebelum 28 Februari 2026 akan dilucutkan. Perujuk yang Ganjaran Tunainya telah dilucutkan tidak berhak menuntut sebarang bayaran pampasan tanpa mengira sebab Ganjaran Tunai tersebut tidak dituntut.
21. Sebarang permintaan daripada Perujuk untuk mengkreditkan Ganjaran Tunai ke akaun-akaun lain milik Perujuk adalah tidak dibenarkan.
22. Perujuk bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa nombor telefon dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat mereka ("**Butiran Perhubungan**") yang diberikan kepada CIMB adalah terkini dan dikemas kini sekiranya terdapat sebarang perubahan yang dibuat oleh Perujuk. CIMB berhak untuk melucutkan Ganjaran Tunai

sekiranya Butiran Perhubungan Perujuk yang disimpan dalam rekod CIMB adalah tidak sah dan/atau tidak dikemas kini. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap Perujuk atas sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan yang timbul akibatnya) yang dialami atau ditanggung akibat Butiran Perhubungan dalam rekod CIMB yang tidak terkini atau tidak tepat.

23. Pemberitahuan berkenaan Ganjaran Tunai oleh CIMB akan dibuat berdasarkan nombor telefon Perujuk di Malaysia yang disimpan dalam rekod CIMB.
24. Segala risiko, kerugian atau kerosakan yang berkaitan dengan penebusan atau penggunaan Ganjaran Tunai hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Perujuk.
25. Perujuk hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perkara berikut akibat daripada penerimaan Ganjaran Tunai:
 - (i) sebarang kewajipan pemfailan cukai atau sebarang pembayaran cukai kepada mana-mana pihak berkuasa; dan
 - (ii) mendapatkan nasihat bebas berkenaan kemungkinan implikasi terhadap keadaan kewangan mereka sendiri.

Terma dan Syarat Am

26. Perujuk bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka:
 - a) dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
 - b) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma dan Syarat ini;
 - c) mengesahkan bahawa terma utama kontrak yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan mencukupi kepada mereka;
 - d) bersetuju untuk memberikan kebenaran kepada CIMB bagi memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi individu lain yang dikongsi oleh Perujuk dengan CIMB selaras dengan Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;
 - e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - f) bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap Perujuk sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan sebahagian atau keseluruhan obligasi di bawah Terma dan Syarat ini yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
 - (ii) kegagalan elektrik;
 - (iii) pertikaian industri, peperangan, mogok atau rusuhan;
 - (iv) sebarang tindakan Tuhan di luar kawalan CIMB; atau
 - (v) sebarang faktor yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
27. Perujuk akan hilang kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Ganjaran Tunai akan dilucutkan sekiranya, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Ganjaran Tunai:
 - a) Perujuk melanggar terma dan syarat yang mengawal Produk Penyertaan;
 - b) Produk Penyertaan ditamatkan atau ditutup atau dikenakan apa-apa sekatan, perintah bertentangan (*adverse order*) yang dikeluarkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang; atau
 - c) Produk Penyertaan menjadi tertunggak, tidak sah atau dibatalkan oleh Perujuk, Individu yang Dirujuk atau CIMB.
28. CIMB berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Perujuk yang didapati:
 - a) mengganggu proses penyertaan; dan/atau
 - b) bertindak melanggar Terma dan Syarat ini.
29. CIMB berhak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis awal tujuh (7) hari kalendar kepada Perujuk melalui:

- (i) pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau
- (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
- (iii) sebarang kaedah pemberitahuan lain yang dipilih oleh CIMB.

Bagi mengelakkan sebarang keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap Perujuk atas sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Perujuk sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat daripada sebarang penggantian Ganjaran Tunai dan/atau pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen ini.

- 30. CIMB boleh menggantikan Ganjaran Tunai dengan item lain yang mempunyai nilai yang setara dan apabila CIMB berbuat demikian, CIMB akan memaklumkan kepada Perujuk.
- 31. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana Perujuk atau mana-mana pihak atas sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik (*goodwill*), secara langsung atau tidak langsung, kerugian insidental, turutan, teladan, punitif atau khas) yang berpunca daripada:
 - (i) Penyertaan atau ketidakpenyertaan Perujuk dalam Kempen ini; dan/atau
 - (ii) Sebarang ketidakpenerimaan atau kelewatan penerimaan Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("**SMS**") dan/atau Mel Elektronik Langsung ("**EDM**") oleh Perujuk,

melainkan kerugian atau kerosakan tersebut timbul dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja oleh CIMB.

- 32. (a) CIMB berhak untuk meminda, menambah, memadam atau mengubah mana-mana Terma dan Syarat ini ("Pindaan") dengan memberikan notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Perujuk melalui:
 - (i) pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - (iii) iklan di satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
 - (iv) sebarang kaedah pemberitahuan lain yang dipilih oleh CIMB.
- (b) Pindaan tersebut akan dianggap mengikat Perujuk dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam pemberitahuan tersebut.
- (c) Sekiranya perubahan tersebut diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana peraturan, arahan, notis atau garis panduan ("**Peraturan**"), perubahan tersebut akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan yang berkenaan, dan CIMB akan memaklumkan/memberikan notis kepada Perujuk mengenai perubahan tersebut secepat mungkin.
- (d) Perujuk bersetuju untuk mengakses laman sesawang CIMB secara berkala untuk melihat terma dan syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa dikemas kini dengan sebarang variasi kepada Terma dan Syarat ini.
- 33. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap Perujuk atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Perujuk sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat daripada Pindaan.
- 34. Perujuk hendaklah menanggung sepenuhnya dan memastikan CIMB sentiasa dilindungi daripada sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:
 - a) penyertaan dalam Kempen; dan/atau
 - b) penerimaan, penebusan atau penggunaan Ganjaran Tunai; dan/atau
 - c) pelanggaran atau kegagalan untuk mematuhi Terma dan Syarat ini.
- 35. Terma dan Syarat ini:
 - a) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan
 - b) hendaklah dibaca bersama dengan terma dan syarat semasa Produk Penyertaan yang turut terpakai sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini.

36. Terma dan Syarat ini tertakluk kepada dan hendaklah ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia serta kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan pengawalseliaan lain yang berkaitan yang terpakai ke atas CIMB.
37. Sekiranya CIMB tidak melaksanakan mana-mana hak yang dimilikinya di bawah Terma dan Syarat ini, perkara tersebut tidak akan menghalang CIMB daripada melaksanakan hak tersebut atau mana-mana hak lain yang dimilikinya pada masa hadapan.
38. (a) Perujuk boleh menghubungi Unit Penyelesaian Pelanggan CIMB ("**CRU**") untuk sebarang maklum balas, pertanyaan dan/atau aduan berhubung dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon dan e-mel:

Alamat: P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
Nombor Telefon: 1300 885 300 (Pusat Panggilan CIMB Preferred) / +03-22956888 (Luar Negara)
E-mel: contactus@cimb.com

39. CIMB boleh mengubah Butiran Perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Perujuk melalui pengumuman di laman sesawang CIMB atau melalui sebarang kaedah pemberitahuan lain yang dipilih oleh CIMB.
40. CIMB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan, kehilangan, ketidaklengkapan, penyerahan yang salah, penangguhan, ketidakbolehbacaan, kerosakan atau penyimpangan dalam penghantaran Borang Rujukan atau surat-menyerat berkaitan, sama ada disebabkan oleh kesilapan, ketinggalan, perubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, kemusnahan atau sebaliknya, melainkan jika ia disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja oleh CIMB.
41. Laman sesawang CIMB mungkin mengandungi pautan kepada laman sesawang lain ("**Pautan Pihak Ketiga**"). CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga tersebut. Sekiranya Perujuk mengakses Pautan Pihak Ketiga, Perujuk memahami bahawa mereka mengakses Pautan Pihak Ketiga tersebut atas risiko mereka sendiri dan CIMB tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Perujuk.
42. Sekiranya produk/perkhidmatan yang berkaitan dengan Kempen ini yang dilanggan oleh Perujuk ditawarkan oleh CIMB, sebarang pertanyaan Perujuk akan dikendalikan oleh CIMB. Manakala, sekiranya produk/perkhidmatan ditawarkan oleh CIMB Islamic, pertanyaan Perujuk akan dikendalikan oleh CIMB Islamic.